

CNS2312

U PB 11-09 00186 BH969

AAB

FORMULA PERPADUAN MALAYSIA TERBUKTI BERJAYA
Mahathir - Formula (Bergambar)

KOTA KINABALU, 11 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, formula yang diamalkan Malaysia untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum telah terbukti sangat berjaya dalam membawa kemajuan dan kestabilan negara.

Katanya, sejak merdeka lagi Malaysia banyak menerima nasihat dan syor supaya mengamalkan berbagai-bagai formula dan jika ada antara nasihat dan syor itu dipakai, Malaysia mungkin tidak seaman dan semaju seperti sekarang.

+Ini telah terbukti di negara-negara lain, seperti yang berlaku di Eropah Timur, sekarang, di Afrika dan juga Asia, dengan soal perkauman telah membuat negara-negara yang kuat terancam perpecahan+, katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis jamuan malam anjuran bersama Dewan Perniagaan Bumiputra Sabah dan Cabang Dewan Perniagaan Tionghua Sabah, untuk meraikan beliau dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah, sempena lawatan rasmi mereka selama dua hari ke Sabah di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia perlu menyedari bahawa Malaysia merupakan satu daripada sebilangan kecil negara yang rakyatnya berbilang kaum, tetapi dapat hidup aman dan saling bekerjasama. -- Lagi.

♥11/09/22-08MST

CNS2313

U PB 11-09 00172 BH970

AAB

Mahathir - Formula 2 Kota Kinabalu

Katanya, hubungan baik dan kerjasama erat antara berbagai-bagai kaum perlu dipelihara dan disebarikan supaya merata dan meliputi semua lapisan masyarakat agar rakyat dapat mencapai kemajuan bersama dan menikmati hak masing-masing.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerjasama seperti yang ditunjukkan oleh kedua-dua Dewan Perniagaan Bumiputera dan Cina Sabah dalam menganjurkan perjumpaan itulah yang diharapkan kerana dengan kerjasama seperti itu diharapkan agar bumiputera dan bukan bumiputera dapat saling membantu, maju bersama dan makmur bersama.

Beliau juga menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia suka kalau ramai rakyat Malaysia menjadi kaya. +Kita bukan seperti sesetengah negara yang tidak mahu rakyatnya kaya. Kita mahu rakyat kaya supaya mereka boleh membayar cukai dan pembangunan tidak mengalami kesukaran pembiayaan+, katanya.

Beliau, bagaimanapun, menekankan bahawa kekayaan hendaklah diperolehi dengan jalan yang betul dan yang kaya hendaklah memenuhi kewajipannya membayar cukai.

+Kerajaan terpaksa bertindak menurut undang-undang jika kekayaan diperolehi dengan jalan yang tidak betul dan jika yang kaya tidak mahu membayar cukai+, tambah beliau. -- Lagi.

♥11/09/22-09MST

CNS2316

U PB 11-09 00190 BH971

AAB

Mahathir - Formula 3 Kota Kinabalu (Akhir)

Yang turut hadir dalam jamuan itu Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar, Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan dan Datin Genevieve, para pemimpin UMNO Sabah, Parti Akar dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

Terdahulu daripada itu, Presiden Gabungan Dewan Perniagaan Tionghua Sabah, Datuk Mohamad Sari OKK Nuar berkata, walaupun Sabah letaknya berjauhan dari Kuala Lumpur, rakyatnya sentiasa merasa dekat dan gembira dengan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

Katanya, rakyat Malaysia di Sabah yakin Wawasan 2020 akan membawa negara kepada kemajuan dan akan memainkan peranan mereka untuk menjayakannya.

Perdana Menteri tiba di sini petang ini dan akan menghadiri perhimpunan besar rakyat di Padang Bandaran Kota Belud, kira-kira 85 km dari sini esok.

Datuk Seri Dr Mahathir juga akan merasmikan Batu Peringatan kemenangan pertama UMNO di Sabah dan menerima gelaran +Wira Nusa Raya+ sebagai penghargaan rakyat negeri ini kepada beliau.

Perdana Menteri akan berlepas dari sini ke Miri, Sarawak pada tengah harinya. -- Bernama.

♥11/09/22-24MST